

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN
[PARIT]**

TARIKH : 18 MEI 2015 (ISNIN)

SOALAN :

YB Dato' Haji Mohd Zaim bin Abu Hasan [Parit] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik kakitangan perkhidmatan awam yang telah diisytiharkan mufliis semenjak tahun 2010. Apakah langkah tindakan Kerajaan bagi memastikan masalah ini tidak lagi berlaku di kalangan penjawat awam.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan laporan daripada Jabatan Insolvensi Malaysia dari tahun 2010 hingga 2014, seramai 1,897 penjawat awam telah diisytiharkan muflis. Oleh itu Kerajaan memandang serius terhadap penjawat awam yang diisytiharkan muflis. Penjawat awam yang didapati muflis boleh dikenakan tindakan tatatertib sehingga hukuman buang kerja.

Sebagai langkah pencegahan, Kerajaan telah memberikan amaran dengan menggariskan peraturan di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, [P.U.(A)395/1993] bagi menghindarkan pegawai awam daripada mengalami kesusahan kerana berhutang

Dari segi pemantauan, Jabatan Akauntan Negara telah menyediakan Laporan Keterhutangan Yang Serius dan laporan tersebut dibincangkan dalam Mesyuarat Ketua-ketua Setiausaha Kementerian.

Selain itu, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit, Bank Negara (AKPK) boleh memberikan khidmat nasihat yang lebih profesional kepada mana-mana pegawai dalam mengurus kewangan termasuk dalam isu keterhutangan kewangan.

Dalam masa yang sama, Ketua Jabatan turut bertanggungjawab dalam memastikan pegawai bawahannya mematuhi setiap peraturan, selaras

dengan **Peraturan 3C**, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 berhubung dengan tugas kawalan dan pengawasan tatatertib oleh Ketua Jabatan.

Sekian. Terima kasih.